



SIARAN MEDIA

MAFI KAJI KEPERLUAN SEDIA KILANG PROSES PADI DI LANGKAWI

LANGKAWI, 13 Mac : Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang mengkaji keperluan untuk menyediakan satu kilang pemprosesan padi di Langkawi.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata ini adalah antara inisiatif yang bakal dilaksanakan bagi membantu pesawah-pesawah di sini kerana ketika ini tiada kilang di pulau ini.

Pada masa yang sama, beliau turut menjelaskan peranan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal dalam program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) serta penetapan harga maksimum benih padi sah pada harga RM35 bagi setiap 20 kilogram.

Jelas beliau lagi, NAFAS sebagai pemborong tunggal boleh membuat pertimbangan berkenaan harga setelah mengambil kira kos penghantaran terus kepada pesawah dan kawalan kualiti yang mana pastinya boleh disesuaikan mengikut kawasan dan zon namun tidak akan melebihi paras maksimum yang telah ditetapkan.

Pendekatan baharu yang dilaksanakan adalah antara usaha untuk memperkasakan peranan NAFAS serta bertujuan untuk menyelesaikan masalah pengagihan, manipulasi harga dan pengedaran yang berlarutan sejak sekian lama, katanya kepada pemberita selepas Program MAFI Prihatin di Pertubuhan Peladang Kawasan Langkawi, hari ini.

Pada program itu, Ronald menyampaikan replika cek Tabung Bencana Tanaman Padi bernilai RM 179,282 kepada penerima seramai 107 orang petani melibatkan kawasan Langkawi dan Kuala Nerang yang terlibat dengan bencana banjir, ribut dan kemarau antara bulan November 2019 hingga Oktober 2020 yang lepas.

Bantuan khas ini adalah inisiatif MAFI bagi membantu petani yang terjejas pengeluaran padi akibat faktor di luar kawalan yang berlaku ketika proses penanaman padi iaitu bencana.

Bersempena Program MAFI Prihatin hari ini, YB Menteri MAFI turut menyampaikan replika cek sumbangan kutipan Tabung AKRAB MAFI CARE kepada Penaung AKRAB (Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam) MAFI CARE iaitu Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Haslina Abdul Hamid berjumlah RM123,500.

Program AKRAB MAFI CARE (Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam MAFI.

MAFI CARE ini merupakan salah satu program untuk membantu warga MAFI dan agensi-agensi di bawahnya yang terlibat dengan bencana banjir baru-baru ini dan telah dilancar oleh YB Menteri pada 11 Januari 2021.

Ronald turut menyampaikan Kit Bantuan Ziarah Peladang kepada seramai 10 orang ahli PPK Langkawi.

Dalam majlis ini, Ronald turut melancarkan Jenama Beras Pulut Langkawi yang dinamakan sebagai Pulut Legenda.

Beliau berharap ianya akan mendapat sambutan orang ramai bagi membantu petani yang terjejas pengeluaran padi akibat faktor di luar kawalan yang berlaku ketika proses penanaman padi iaitu bencana.

Kerajaan sedang melaksanakan projek rintis penanaman padi pulut di Langkawi yang mana penanaman pertama telah bermula pada 29 Julai 2019.

Penanaman padi pulut ditumpukan kepada Pulau Langkawi sebagai suatu produk signature khusus bagi pulau Langkawi selain membantu meningkatkan pendapatan pesawah di pulau berkenaan berikutan nilai produk ini lebih tinggi di pasaran.

Disediakan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

13 MAC 2021